# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 22 FEBRUARI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | GOVT ENCOURAGES CONVERSATION OF EXCESS AGRICULTURAL PRODUCTS INTO LEISURE FOOD, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A9<br>LEISURE FOOD CATEGORY TO BE INCLUDED IN ECONOMIC REVITALISATION PACKAGE, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C4<br>SUGGESTS INCENTIVE FOR FOOD FOR RUN, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | TENGGELAM KAPAL VIETNAM, LOKAL, HM -22<br>JELLYFISH WARNING ISSUED, NATION, THE STAR -3<br>BOT NELAYAN ASING DITAHAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -6<br>KAPAL NELAYAN VIETNAM DIJADIKAN TUKUN TIRUAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1<br>WE SINK, NOT AUCTION OFF VIETNAMESE BOATS CAUGHT FISHING ILLEGALY Y IN SABAH WATERS-JUNZ, HOME, BORNEO POST (KK) -1<br>VIET FISHING VESSEL IS SUNK, NEWS, DAILY EKSPRESS MALAYSIA -10 | JABATAN PERIKANAN (DOF) |
| 10.<br>11.<br>12. | 7 'DOSA' UTAMA, LOKAL, HM -27<br>7 PENYELEWENGAN NAFAS DIKESAN, NASIONAL, BH -13<br>KEDAH PERINTIS ESTET PADI KONSEP LADANG PINTAR, SINAR NEGERI KEDAH, SH -34 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 13. | CARNIVAL IN VIOLANCE-WRACKED HAITI: GOOD BUSINESS OR BAD TASTE?, NEWS, MALAY MAIL -10 | INSTITUT PENYELIDKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 14.<br>15. | TEMENUNG JEI, LOKAL, HM -24<br>NILAI HASIL TERNAKAN RM1.1 BILION, SINAR NEGERI P.PINANG/PERLIS, SH -33 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt encourages conversion of excess agricultural products into leisure food | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A9 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 336 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,893 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,679 |





沙拉胡丁（左2）在麻坡新邦二南州选区的一个小食档，与村民闲聊。

# 鼓励过剩农产品转化消闲食品

**麻坡21日讯**｜农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育说，政府鼓励把过剩的农产品转化成消闲食品，同时，他要求财政部长林冠英增加相关拨款，以鼓励更多农夫参与农产品下游工业。

他说，政府在今年的财政预算案中，拨出5000万令吉供发展农产品下游工业，但有关拨款并不足够。

「这是不足够的，我们希望能在下周宣布的经济振兴配套中，增加更多的消闲食品拨款，或提供微型贷款，方便农夫购买相关的机械来生产。」

沙拉胡丁周四傍晚会见麻坡新邦二南州选区人民后受询时，如是表示。

另外，针对菜农公会要求政府提供产量津贴，他对此表示，将会检讨有关津贴措施，并查看是哪一类的蔬菜水果需要产量津贴，而目前政府有为稻米提供产量津贴。

较早时，马来西亚菜农总会会长陈苏潮呼吁政府，在即将推出的经济振兴配套中，提供蔬菜水果产量津贴，以扶助本地菜农提高产量。

他说，政府只有在2008的那一年，为菜农提供产量津贴，每一公吨的蔬菜津贴是81令吉，同一数量的水果津贴78令吉。第二年政府取消此津贴，至今都没有再提供这类津贴。

另一方面，有关菜农面对干旱问题，沙拉胡丁指出，北马的干旱问题较严重，农业部和其他部门正合力解决干旱问题。

沙拉胡丁阿育也是新邦二南州议员，周四他访问两家各有鼻癌和眼癌病患的马来家庭，并给予援助。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Leisure food category to be included in economic revitalisation package | | |
| MediaTitle | China Press (Johor) | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,804 |
| Page No | C4 | Readership | 59,412 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 340 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,636 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,909 |





■沙拉胡丁阿育（中）会见新邦二南州选区选民。

# 農長：消閑食品類別 擬入列經濟振興配套

（麻坡21日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，该部计划将消闲食品类别（food for fun）列入经济振兴配套，给提高生产量的商家作为奖励。

他说，他于昨日上午与财政部长林冠英会面，提出该部欲着重在提供奖掖给消闲食品商家的建议。

沙拉胡丁阿育也是诚信党新邦二南州区州议员，他于昨日傍晚在新邦二南州选区会见选民后，这么指出。

他举例，有关奖掖可涵盖提供小型机器，对于甘榜村民操作有很大的帮助，让他们更快速完成农业作业。

他指出，去年政府共拨款5000万令吉给消闲食品类，经过调查仍显不足，该部将鼓励商家进行微型借贷，以添购机器续从事农业活动，以更有效提高生产量。

他强调，武汉肺炎（2019冠状病毒疾病）疫情肆虐下，由中国引进我国的农业食品锐减，农业部将会给予从事农业领域者大力的协助，以度过疫情造成种种冲击。

"我们将监督本地农民增加蔬果产量，以及渔民能捕获更多海产，以期解决市面的农产品需求。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Suggests incentive for food for fun | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 173 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,242 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,727 |



## 農業部對振興配套提意見

# 建議獎掖消閒食品商

（麻坡21日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁已向财政部长林冠英建议，拟议中的经济振兴配套，农业领域可着重在消闲食品类别（Food for fun），以提供奖掖给商家提高生产量。

沙拉胡丁表示，他经于昨日上午与林冠英会面，提出该部欲着重在提供奖掖给消闲食品商家的建议。

### 提供村民小型机器

他举例，有关奖掖可涵盖提供小型机器，以方便甘榜村民进行工作。

沙拉胡丁也是新邦二南区州议员，他昨日傍晚回到选区会见选民后，在受到记者询问时指出，去年，政府共拨款5000万令吉给消闲食品类，但仍不足够，该部鼓励商家申请微型借贷，以添购适合的机器继续从事农业活动，从而提高生产量。

他也说，目前新冠肺炎事件也造成从中国进口到我国的农业食品锐减，该部的责任就是确保农民能够生产更多蔬果，以及渔民的渔获量增加。

他举例，面对从中国引进的蔬菜入口量减少，我国必须自己作出努力，种植更多卷心菜。

他强调，农业部将会协助从事农业领域者，以面对新冠肺炎事件所带来的冲击。



沙拉胡丁（一站者）回到新邦二南州选区，在当地的旗装食档与一班中学生互动交流

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/2/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |



# TENGGELAM KAPAL VIETNAM

*Sepuluh kapal nelayan asing ditahan tahun lalu dengan lapan sudah dilupuskan*

KAPAL nelayan asing Vietnam yang dilupuskan di perairan Tompok Nosong, Kuala Penyu.

**Oleh Rafiqah Dahali**
am@hmetro.com.my

**Kuala Penyu**

Kerajaan negeri memandang serius isu pencerobohan perairan negara secara haram terutama membabitkan eksploitasi sumber marin di Sabah.

Salah satu langkah diambil kerajaan negeri ialah melupuskan kapal nelayan asing itu dengan menggunakan kaedah musnah dan tenggelam.

Semalam, sebuah kapal nelayan asing dari Vietnam yang dirampas sebelum ini dilupuskan secara musnah dan tenggelam di perairan Tompok Nosong, Kuala Penyu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong berkata, selain dilupuskan secara musnah dan tenggelam, kapal nelayan asing itu dijadikan sebagai tukun tiruan supaya komuniti nelayan mendapat manfaatnya.

"Kapal terbabit dilucutkan hak mengikut Seksyen 34 Akta Perikanan 1985, manakala nelayan terbabit didakwa mengikut bawah Seksyen 15 akta sama.

> *"Langkah terbabit dilaksanakan sebagai amaran kepada nelayan asing agar tidak lakukan pencerobohan"*
>
> **Wong**

"Terdapat sekitar 10 kapal asing dari Vietnam yang ditahan tahun lalu dan sebanyak lapan kapal sudah dilupuskan secara musnah dan tenggelam," katanya selepas menyaksikan kapal nelayan asing itu dilupuskan, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Dr Daud Yusof dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Penyu, Datuk Limus Jury.

Beliau berkata, langkah terbabit dilaksanakan sebagai amaran kepada nelayan asing agar tidak melakukan pencerobohan dan mengaut hasil laut secara haram.

Katanya, ia sebagai amaran dan iktibar kepada nelayan asing agar tidak lagi menceroboh dan mencuri sumber perikanan di perairan negara.

"Selain itu, ia juga membantu meningkatkan tangkapan ikan dan pendapatan tradisional melalui sumber perikanan yang mampan dan berterusan kepada komuniti nelayan tempatan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/2/2020 | THE STAR | NATION | 3 |

# Jellyfish warning issued

## Portuguese man o' war found in Terengganu

By EDDIE CHUA
eddiechua@thestar.com.my



**Pretty peril:** The Portuguese man o' war jellyfish can sting even when its tentacles are detached.



**PETALING JAYA:** A highly venomous jellyfish, the Portuguese man o' war, has been found in Terengganu waters in the past week, prompting authorities to warn beachgoers to exercise caution.

The state Fisheries Department issued the warning for a 60km stretch of the Terengganu coast from Pantai Bari to Pulau Kekabu.

The man o' war, with long tentacles capable of delivering an excruciatingly painful sting that is sometimes powerful enough to kill a human, had been found washed ashore on Pantai Pulau Kekabu in Marang, Pantai Rhu Sepuluh in Penarek and Pantai Bari in Setiu.

Fisheries Department director Zawawi Ali warned the public not to touch the jellyfish, even when they are dead, or swim at the beaches where they are found.

"Jellyfish that have washed up on a beach may still release venomous stingers if touched," he said.

"Recently, the species was found in Kuantan and Pulau Tioman in Pahang, and Sabah and Thai waters," he said, adding that the department collected between eight and 10 of such jellyfish from Terengganu's beaches daily since last Wednesday.

On Thursday, about 30 man o' war were found washed on the Pulau Kekabu beach.

"We are working closely with the local council to warn beachgoers on the danger of this jellyfish by putting up warning signs," he said.

The department anticipated the venomous jellyfish "season" to end by late March or early April when wind direction changes, he added.

Those stung by this species should not apply vinegar as the stinging cells would continue to stimulate the toxin discharge and cause more pain, a doctor said. Seawater should be used to rinse and remove the tentacles that contained the microscopic stinging cells, before quickly seeking medical help, he added.

The man o' war is usually found in the Atlantic, Indian and Pacific Oceans, but was also reported in Melaka, Penang and Singapore.

This species can be identified by its translucent bluish-purple or pink tinge. The ones found in Malaysia have tentacles as long as 3m.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bot nelayan asing ditahan | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 6 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 332 cm² |
| Journalist | AKUN GIMAN | AdValue | RM 1,976 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,927 |



# Bot nelayan asing ditahan

AKUN GIMAN

**TANJUNG MANIS:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Tanjung Manis menahan sebuah bot nelayan asing yang membawa 10 kru dan tekong petang semalam.

Menurut jurucakap APMM Zon Maritim Tanjung Manis, bot tersebut yang berada dalam keadaan mencurigakan ditahan pada kedudukan lebih kurang 1.8 Batu Nautika Barat Daya Tanjung Jerijeh kira-kira pada jam 3.30 petang.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati bot tersebut disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu tiada kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

"Dua daripada kru bot tersebut didapati tiada memiliki passport atau dokumen pengenalan diri yang sah dibawah Akta Imigresen 1959/1963,"jelasnya.

Katanya, mereka juga gagal mengemukakan pas pelepasan pelabuhan (port clearance) semasa pelayaran di bawah Akta Kastam 1967. "Semua kru terbabit adalah rakyat negara Thailand.

"Bot tersebut kemudiannya diiringi masuk ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat,, Zon Maritim Tanjung Manis bagi tindakan selanjutnya," tegasnya.



**DITAHAN...** Bot nelayan rakyat asing diiringi ke Jeti LKIM sebelum diserahkan kepada pihak APMM untuk tindakan lanjut.




**LOKASI TANGKAPAN...** Lokasi tangkapan bot nelayan warga asing.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kapal nelayan Vietnam dijadikan tukun tiruan | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 563 cm² |
| Journalist | Hayati Dzulkifli | AdValue | RM 2,991 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 8,973 |





KAPAL nelayan Vietnam yang ditenggelamkan di Tompok Nosong, Kuala Penyu.

# Kapal nelayan Vietnam dijadikan tukun tiruan

**Hayati Dzulkifli**

KUALA PENYU: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong, berjanji bahawa kapal nelayan Vietnam tidak akan dibenarkan menangkap ikan di perairan Sabah sebaik sahaja kuasa untuk melulus dan mengeluarkan lesen menangkap ikan laut dalam di Sabah dikembalikan kepada kerajaan negeri melalui kementeriannya seperti dinyatakan dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Junz berkata beliau merancang untuk menghapuskan semua bot nelayan Vietnam yang memasuki dan menceroboh perairan Sabah bagi melindungi kebajikan dan kepentingan nelayan tempatan yang mempunyai bot dan nelayan tradisional untuk menangkap ikan.

"Pada masa lalu, terdapat 52 bot Vietnam berlesen di perairan Sabah tetapi ketika saya masuk pejabat Kementerian sebagai Menteri di bawah pemerintahan negeri baru, saya telah mengurangkan bilangan mereka kepada hanya 23 kapal nelayan Vietnam aktif di perairan kita.

"Walaupun kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen menangkap ikan laut dalam, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian Persekutuan (MoA) yang mana MoA tidak akan mengeluarkan lesen tanpa mendapat kelulusan daripada kami (Kerajaan Sabah).

"Saya harus mengatakan bahawa ini adalah perkembangan positif dan baik sehingga kini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan pelupusan sebuah kapal nelayan Vietnam dengan menenggelamkannya untuk dijadikan tukun tiruan di Tompok Nosong, tiga batu nautika di sini, Jumaat.

Junz bersama dengan pembantu menterinya, Dr Daud Yusof, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Penyu, Datuk Limus Jury, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Dr Ahemad Sade, Pengerusi Ko-Nelayan, Awang Sah bin Datuk Sahari dan para pegawai kanan menyaksikan pelupusan bot nelayan Vietnam yang dirampas itu.

Menurutnya, beberapa bot nelayan Vietnam yang ada di perairan Sabah menggunakan lesen pendua manakala ada yang menceroboh ke Sabah untuk menangkap ikan.

"Sebenarnya, kita tidak mahu bot-bot Vietnam ini di Sabah dan dalam jangka panjang, kita akan menyingkirkan mereka semua apabila kuasa untuk mengeluarkan lesen menangkap ikan laut dalam dikembalikan kepada kita," katanya.

Mengenai jumlah bot nelayan Vietnam yang dirampas oleh pihak berkuasa di sini, Junz berkata kira-kira 10 bot nelayan Vietnam yang didapati menceroboh perairan Malaysia di Sabah, sehingga Jumaat, telah dirampas oleh pihak berkuasa berkenaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Negeri Jabatan Perikanan.

Daripada 10 bot itu, dua bot telah dilupuskan termasuk satu di sini pada Jumaat dengan menenggelamkannya sebagai tukun tiruan untuk memberi manfaat kepada nelayan tempatan terutama nelayan tradisional.

Baki bot lain akan dilupuskan, tahun ini, dengan syarat semua prosedur telah dipatuhi termasuk berkaitan Mahkamah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Taman-Taman Sabah, Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Pelabuhan.

Beliau berkata tindakan a demikian adalah dasar baru kerajaan negeri sejak tahun lepas untuk memberi amaran kepada nelayan asing terutama dari Vietnam untuk tidak menangkap ikan secara haram di perairan di Sabah.

Sebelum ini, katanya, bot-bot asing yang dirampas biasanya akan dilelong tetapi ia tidak berkesan kerana pemiliknya boleh membeli bot-bot itu dan mengulangi kesalahan sama.

Mengenai keberkesanan dasar baharu untuk menenggelamkan kapal nelayan asing yang menceroboh perairan Sabah, Junz berkata beliau mengambil maklum bahawa sejak 20 bulan lalu, harga ikan stabil termasuk ketika perayaan Hari Raya yang beliau percaya nelayan tempatan mendapat banyak ikan berbanding dengan dasar lama iaitu melelong bot nelayan asing yang dirampas.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | We sink, not auction off Vietnamese boats caught fishing illegally y in Sabah waters - Junz | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 320 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,784 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,353 |



# We sink, not auction off Vietnamese boats caught fishing illegally in Sabah waters – Junz

By Shalina R.

**KUALA PENYU:** Sinking of Vietnamese boats shows Sabah "means business" when it comes to illegal fishing in its state waters, said Agriculture and Food Industry minister Datuk Junz Wong.

Junz said, in the past, foreign Vietnamese fishermen found guilty of fishing in state waters illegally would have their boats auctioned off.

However, he explained the method had not been very effective as the boats would somehow end up back in the arms of its original owners in the past.

"I don't think it is effective so that is why it seems to reoccur according to the old policy," said Junz at the Kuala Penyu Fishery Office jetty after the Vietnam Foreign Fisherman's Boat Disposal and Dialogue with Fishermen ceremony here yesterday.

"We want to send a very clear message to all the foreign fishermen especially from Vietnam that we mean business, we will not let anyone off. Anyone who enters here will risk being caught and have their boats sinked. We won't give any chances.

"A clear message for them, do not enter Sabah again because we must protect and safeguard our fishermen's welfare, especially to the fishing boat and traditional fishermen," he added.

He said the policy to sink all Vietnamese fishermen boats so it could become artificial reefs at the bottom of Sabah's ocean have had a good impact on Sabah.

"When we start catching Vietnamese boats and sinking them, not auctioning them, I see the results because in the past during Hari Raya, Christmas and Chinese New Year, the price of fish will go up," said Junz.

"In the past 20 months, we see the price did not go up even though during Hari Raya. The price is still steady. This is probably because, in terms of products, fishermen could catch and sell much more fish because we have taken action to catch these boats from Vietnam. So, for me, this might be one of the positive effects," he added.

Junz said around 10 Vietnamese fishing boats had been seized from foreign fishermen fishing illegally in Sabah waters in 2019.

He added the policy to sink the ship in Sabah waters to create artificial reefs was first done in Kudat, last year.

The state minister said the state government would completely stop issuing deepsea fishing licences to Vietnamese fishermen as soon as Sabah regains its rights to issue deepsea licensing from the federal government.

"The licensed (Vietnamese fishermen) were 52 when I first entered office. Now there are only 23 left that are active. We have already made cancellations, the active ones we do not cancel. We cooperate with the federal MOA (Ministry of Agriculture) closely. They definitely do not issue anymore deepsea licences without the approval of Sabah, specifically the Sabah Fisheries Department.

"Now, in the MA63 (Malaysia Agreement 1963) meeting, we have agreed that the power to issue deepsea licence must be returned to Sabah. This is already in the process.

"In the long run, for us is to actually remove all the Vietnam boats. Actually, we don't want Vietnam boats in Sabah. So the APMM (Malaysian Maritime Enforcement Agency) work will be easier," he added.




Junz (second from left) during the Vietnam Foreign Fisherman's Boat Disposal and Dialogue with Fishermen ceremony at Kuala Penyu yesterday.

Junz witnessed the disposal of a Vietnamese fishermen boat which had been forfeited by the Kota Kinabalu Court.

The disposal activity was carried out by the Sabah Fisheries Department at the Tompok Nosong waters of Kuala Penyu here yesterday.

The Vietnamese foreign fishermen have been convicted by the APMM and have been found guilty under Section 15.

The foreign fishermen boat was forfeited under Section 34, Fishery Act 1985.

The Vietnamese foreign fishermen boat was disposed by destroying and sinking it into the sea to become artificial reef so the Kuala Penyu fishermen community and its surrounding would benefit.

Junz said the activity was first held in Kampung Tajau Laut, Kudat on June 23, 2019 as a warning and lesson to foreign fishermen to not encroach and steal the fishing resources in the country's waters.

Among the benefits of the activity is to help increase fish catch and increase the traditional fishermen's income through sustainable and continous fish resources, to improve coastal habitat in the coastal lines, to assist in the rehabilitation and enrichment of declining coastal fisheries resources and create artifical reefs as a tourism attraction.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Viet fishing vessel is sunk | | |
| MediaTitle | Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my) | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,000 |

# Viet fishing vessel is sunk

Published on: Saturday, February 22, 2020 By: Hayati Dzulkifli
The seized Vietnamese fishing boat being sunk at Tompok Nosong at Sabah water off Kuala Penyu here.KUALA PENYU: State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong pledged that Vietn...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/2/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 27 |


# 7 'DOSA' UTAMA

## *Siasatan audit forensik dedah Nafas alami kerugian RM30 juta akibat kesalahan pengurusan*

**Oleh Ekhwan Haque Fazlul Haque**
ekhwan@hmetro.com.my

**Petaling Jaya**

Ketirisan pengurusan lama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyebabkan entiti itu kini terpaksa menanggung kerugian lebih RM30 juta.

Pendedahan terbaharu itu dapat dikesan susulan siasatan audit forensik yang dijalankan sebuah firma audit antarabangsa selepas wujudnya masalah salah tadbir serius menyebabkan operasi pertubuhan itu digantung sebelum ini.

Mendedahkan penemuan terbaharu itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, sejak pengurusan baharu mengambil alih pertubuhan itu pada 23 Januari tahun lalu, siasatan audit forensik dijalankan untuk mengesan salah urus tadbir.

Menurutnya, hasil penemuan siasatan, pihaknya mendapati tujuh kesalahan utama dikesan dilakukan pengurusan Nafas sebelum ini hingga menyebabkan kerugian jutaan ringgit terpaksa ditanggung.

"Antara kesalahan adalah pembelian bangunan ibu pejabat Nafas di Kota Damansara dengan harga RM59.8 juta walaupun harga pasaran ketika ditawarkan RM48.5 juta.

"Selain itu, Nafas juga mengesan pembelian secara tergesa-gesa ladang kelapa sawit di Sungai Karap di Miri, Sarawak yang turut dibeli pada harga RM135 juta walaupun harga sebenar adalah RM122.8 juta," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Nafas di sini, semalam.

Beliau berkata, selain itu, pembelian baja yang tidak mengikut spesifikasi, perjanjian pajakan Wisma Peladang yang merugikan, kecuaian pembelian stok menjadi antara kesalahan lain yang dikesan menerusi siasatan audit forensik berkenaan.

Katanya, siasatan audit forensik mendapati wujud kecurigaan dalam pembayaran zakat perniagaan Nafas kepada penerima tidak layak selain konflik kepentingan dalam pembelian hartanah menerusi anak syarikat Nafas.

"Sebaik mengambil alih, pengurusan baru Nafas baru lebih telus kerana ia adalah amanah kira-kira satu juta ahli yang terdiri daripada peladang dan penternak seluruh negara.

"Jika ia tidak ditadbir dengan baik, maka kerugian lebih tinggi akan terus ditanggung Nafas dan ini sudah pasti merugikan ahli kerana manfaat yang sepatutnya diterima tidak dapat disampaikan kepada golongan sasar," katanya.

Beliau berkata, hasil penemuan siasatan audit forensik itu diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dimaklumkan kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang untuk tindakan lanjut.

Phahrolrazi berkata, bagi memastikan akauntabiliti menjadi keutamaan, Nafas turut memohon seorang pegawai SPRM ditempatkan di ibu pejabatnya bagi tujuan pemantauan operasi secara keseluruhan.

> "Tujuh kesalahan utama dikesan dilakukan pengurusan Nafas sebelum ini
> Phahrolrazi



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/2/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13 |


# 7 penyelewengan NAFAS dikesan

## Firma audit antarabangsa ambil masa lima bulan siapkan laporan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Penemuan audit forensik yang dijalankan terhadap operasi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) ketika pentadbiran sebelum ini mengesan salah laku membabitkan tujuh tatacara kewangan dan tadbir urus.

Audit yang dilakukan sebuah firma antarabangsa mendapati ada salah laku membabitkan pembelian bangunan ibu pejabat NAFAS di Kota Damansara dan ladang kelapa sawit di Sungai Karap, Miri, Sarawak.

Selain itu, berlaku salah laku membabitkan pembelian baja tanpa mengikut prosedur biasa; perjanjian pajakan bangunan Wisma Peladang; kecuaian dalam pembelian stok; pembayaran zakat perniagaan NAFAS kepada penerima tidak layak dan konflik kepentingan di kilang NAFAS Feedmills Sdn Bhd.

Proses pengauditan dijalankan selama lima bulan bermula Mei tahun lalu.

Hasil penemuan audit forensik itu didedahkan oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi pada sidang media, semalam.

Bangunan ibu pejabat NAFAS dibeli pada 2014 dengan harga RM59.8 juta walaupun harga tawaran asal RM48.5 juta dan dinilai RM57 juta oleh penilai swasta.

Pembelian ladang kelapa sawit di Sungai Karap dekat Miri, Sarawak membabitkan RM135 juta selepas ditawarkan pada harga RM145.4 juta, lebih tinggi dari harga pasaran yang mana keputusannya dibuat tergesa-gesa tanpa menunggu kajian daya maju, selain terdapat potensi percanggahan kepentingan dalam pembelian atau kebarangkalian wujud campur tangan dalam jual beli.

Audit juga mendapati pembelian baja tanpa mengikut prosedur operasi standard pada 2017 membabitkan perolehan 40,000 tan baja daripada pembekal luar.

Urusan itu tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi pengambilalihan sampel untuk ujian makmal, pemeriksaan stok ketika baja dihantar oleh pembekal dan ketiadaan dokumen sokongan bagi pembelian.

Ia menyebabkan NAFAS kerugian hampir RM6 juta hanya untuk membayar kepada pemilik stor penyimpanan baja berkenaan selain memperuntukkan kira-kira RM70 juta memulihkan baja berkenaan supaya boleh digunakan semula oleh petani.

Dianggarkan, stok baja yang disimpan terlalu lama dalam gudang di Perai, Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang, Selangor perlu dipulihkan semula dengan setiap tan memerlukan kos antara RM700 hingga RM800 untuk proses pemulihan nutrien.

Penemuan keempat membabitkan perjanjian pajakan bangunan Wisma Peladang di Jalan Bukit Bintang yang kini dijadikan hotel. Penyewaan bangunan milik NAFAS itu meragukan apabila kadar dikenakan lebih rendah berbanding nilai pasaran.

Pada 2015, bangunan itu diberi sewa RM2.5 juta setahun meskipun selepas dinilai semua kadar sebenar yang perlu dibayar adalah RM3.7 juta setahun.



Phahrolrazi Mohd Zawawi

Pada 2019, kadar sewaan dikenakan oleh NAFAS adalah sebanyak RM2.75 juta setahun berbanding harga semasa RM4.94 juta setahun selepas dinilai semula oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Penemuan kelima membabitkan kecuaian dalam pembelian stok apabila NAFAS dan anak syarikat membeli baja bioserba guna bernilai RM1.3 juta, susu kambing New Zealand (RM770,000), racun (RM525,000), sabit (RM355,000), kacang penutup bumi (RM2 juta) dan racun serangga (RM3.5 juta).

Penemuan keenam mendapati pembayaran zakat perniagaan NAFAS dibuat kepada penerima tidak layak antaranya membabitkan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kemaman berjumlah RM500,000 dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Sarawak RM100,000.

Audit mendedahkan tiada bukti menunjukkan pembayaran ini diagihkan kepda penerima yang sah iaitu golongan asnaf.

Penemuan ketujuh membabitkan konflik kepentingan di kilang NAFAS Feedmills Sdn Bhd di Muar Johor, apabila semua hartanah seperti tanah, bangunan dan mesin dibeli dengan harga RM14.5 juta lebih tinggi daripada penilaian JPPH iaitu RM11.7 juta.

Menurut Phahrolrazi, pihaknya sudah membuat laporan kepada SPRM supaya siasatan lanjut dijalankan dan dimaklum kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang.

Usaha sedang dilakukan oleh pentadbiran baharu NAFAS bagi membawa pihak yang terbabit dengan penyelewengan dan kecuaian tatacara kewangan serta tadbir urus ini ke muka pengadilan.

Katanya, selain tujuh penemuan besar itu ada lagi salah laku lain namun ia hanya membabitkan kes yang kecil dan memerlukan tindakan dalaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/2/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH | 34 |

# Kedah perintis estet padi konsep ladang pintar

**ALOR SETAR -** Kedah menjadi negeri perintis memulakan penanaman estet padi berkonsepkan ladang pintar dikelolakan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang dijangka bermula pada musim penanaman kedua sekitar Ogos hingga Oktober depan.

Pengerusi Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, ia menyasarkan keluasan sehingga 1,000 hektar namun pihaknya menyasarkan antara 300 hingga 400 hektar untuk fasa pertama.

Menurutnya, lokasi sudah dikenal pasti melibatkan kawasan di luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan akan diumumkan selepas rundingan memandangkan ketika ini, pihaknya masih berunding dengan pemilik tanah dan petani yang berhasrat memulakan projek perintis itu.

"Kita akan wujudkan estet padi ikut piawaian sebenar antaranya diurus sepenuhnya mengikut pengurusan berjadual, konsep ladang pintar dalam semua aspek seperti ujian kesuburan tanah, benih padi berkualiti, jentera moden serta teknologi mikrob," katanya selepas taklimat penggunaan teknologi mikrob dalam tanaman padi di sini kelmarin.

Beliau berkata, estet padi secara berkelompok sudah dilaksanakan di bawah MADA dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) namun bukan sepenuhnya estet padi serta tidak melibatkan semua pesawah selain keluasannya masih kecil.

Phahrolrazi berkata, estet padi berkonsepkan ladang pintar untuk meningkatkan hasil padi dengan melaksanakan empat musim tanaman setahun berbanding dua musim ketika ini bukan sesuatu yang mustahil dan memberitahu ia sudah dilaksanakan di Indonesia.

"Kita akan tinjau projek di sana untuk lihat potensinya. Di Kedah, plot percubaan diwujudkan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tajar sebanyak empat relung dengan tanaman tiga kali setahun," katanya.



Phahrolrazi (kiri) menunjukkan hasil padi yang ditanam menggunakan teknologi mikrob.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Carnival in violence-wracked Haiti: Good business or bad taste? | | |
| MediaTitle | Malay Mail(www.malaymail.com) | | |
| Date | 22 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,200 |

# Carnival in violence-wracked Haiti: Good business or bad taste?

PORT-AU-PRINCE, Feb 22 — Haiti is gearing up for its annual Carnival celebration, but the Mardi Gras festivities are controversial in a country struggling with gang violence, kidnappings and political unrest.
Some say the money generated by the colourful...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/2/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 24 |

# TEMENUNG RM2 JE!

## *Nelayan daratkan satu tan ikan sehari*

FOTO: NOORAZURA ABDUL RAHMAN



IKAN temenung dijual dengan harga serendah RM2 hingga RM5 sekilogram di pasar nelayan Seberang Kota dan Kubang Rotan, Alor Setar.

**Oleh Noorazura Abdul Rahman**
am@hmetro.com.my

**Alor Setar**

Lambakan pendaratan ikan di pasar nelayan Seberang Kota dan Kubang Rotan, Kuala Kedah di sini, menyebabkan harga ikan temenung dijual serendah RM2 sekilogram.

Malah, beberapa peniaga mengakui rezeki nelayan pada minggu ini luar biasa apabila mampu mendaratkan ikan temenung sehingga satu tan sehari.

Peniaga Romlah Hanapiah, 62, berkata, dia berniaga di pasar nelayan Kubang Rotan sejak 20 tahun lalu dan ia adalah kali pertama mampu menjual harga ikan temenung serendah RM2 sekilogram.

"Semalam (kelmarin) anak saya dapat menaikkan ikan sebanyak satu tan, ramai lagi nelayan yang dapat daratkan ikan dengan jumlah hampir sama, jadi kami berpakat untuk turunkan harga sehingga RM2 sekilogram.

"Bagaimanapun, oleh kerana ramai nelayan bercuti hari ini (semalam), harga ikan naik kepada RM4 sekilogram, tapi ia boleh turun semula sekiranya pendaratan ikan kembali banyak esok (hari ini)," katanya.

Peniaga lain Norizah Mat Isa, 46, berkata dia juga menjual ikan temenung pada harga RM2 sekilogram dan ia tidak pernah naik melebihi RM5 sekilogram sejak seminggu lalu.

Katanya, dia dapat menjual lebih 300 kilogram (kg) ikan temenung dengan harga RM2 sekilogram, kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/2/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG/ PERLIS | 33 |

# Nilai hasil ternakan RM1.1 bilion

Catat peningkatan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya

**BUKIT MERTAJAM**

Pengeluaran Nilai Hasil Ternakan (NHT) Pulau Pinang meningkat kepada RM1.1 bilion pada tahun lepas berbanding RM939.77 juta pada tahun 2018, menurut Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan negeri, Dr Afif Bahardin.

Beliau berkata, komoditi terbesar yang menyumbang kepada pencapaian hasil itu ialah daging ayam, itik dan babi sebanyak RM918.94 juta atau 82.77 peratus daripada keseluruhan NHT pada 2019.

"Komoditi daging ayam dan itik memberi sumbangan tertinggi sebanyak RM650.71 juta iaitu 58.61 peratus kepada jumlah NHT keseluruhannya dan ia meningkat sebanyak RM163.74 juta pada tahun 2019 berbanding 2018.

"Jumlah pengeluaran NHT komoditi babi pada 2019 telah menurun sebanyak RM11.17 juta kepada RM268.23 juta lepas berbanding RM279.40 juta pada 2018.

"Peningkatan NHT Pulau Pinang juga telah disumbangkan melalui komoditi baharu daripada industri sarang burung walet (SBW) yang bernilai RM24.56 juta," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di sebuah ladang ayam komersial di Ara Kuda di sini semalam.

Menurutnya, permintaan serta ruang pasaran daging, susu dan telur yang luas menjadikan negeri itu berpotensi besar dalam industri pemprosesan makanan dan pembangunan pengurusan makanan halal.



FOTO: BERNAMA

Dr Afif (kiri) menunjukkan anak ayam pada lawatannya ke Ladang Tertutup Hwa Huat Livestock Industrial Sdn Bhd di Bukit Mertajam semalam.

Dr Afif berkata, kerajaan Pulau Pinang dalam perancangan untuk melaksanakan Enakmen Penternakan Unggas di negeri itu dalam masa terdekat dan untuk permulaan, ia akan dibawa ke persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun ini.

Katanya, menerusi enakmen itu, kerajaan negeri merancang untuk mewujudkan sistem perladangan tertutup bagi menternak ayam dalam usaha memastikan ia diternak dalam keadaan bersih, baik, sihat serta tiada penularan wabak.

"Sebenarnya ada beberapa syarikat penternakan ayam telah mula menjalankan perladangan tertutup kerana mereka tahu ia lebih banyak manfaat berbanding ladang terbuka.

"Kami komited untuk laksanakan sistem tersebut macam mana kami telah buat untuk ladang-ladang ternakan babi," katanya.

Katanya, negeri itu belum lagi melaksanakan Enakmen Penternakan Unggas dan menyifatkan sudah sampai masanya negeri ini melaksanakannya dalam usaha memastikan sektor ternakan negeri terus berkembang seterusnya keselamatan makanan terjamin. - *Bernama*